

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 MEI 2014 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Hujan Meteor	Metro Ahad
2.	Hujan Meteor	Berita Harian
3.	DNA khinzir: Cadbury bantu siasatan pihak berkuasa	BERNAMA
4.	Impak sambutan Hari Belia dikaji	Mingguan Malaysia

KERATAN AKHBAR
METRO AHAD : MUKA SURAT 36
TARIKH : 25 MEI 2014 (AHAD)

JENIS BATU DARI ANGKASA

KOMET
 Objek kecil yang berada dalam sistem solar dan mengorbit matahari. Ia terdiri daripada serpihan batu dan ais. Apabila menghampiri matahari, ia akan menghasilkan garisan bengkok berbentuk koma atau ekor yang terhasil akibat tindak balas radiasi.

ASTEROID
 Objek yang berada dalam sistem solar dan mengorbit matahari. Objek ini biasanya terdiri daripada campuran logam dan batu selain unsur organik. Fizikal asteroid menyerupai komet namun ia tidak mempunyai ekor atau garis lintasan bercahaya.

METEOROID
 Serpihan objek yang bertaburan di ruang angkasa. Ia tidak mempunyai laluan tetap dan tidak mengorbit matahari atau mana-mana planet. Serpihan ini boleh berasal daripada serpihan bintang yang mati atau serpihan komet yang pecah ketika bergerak.

METEOR
 Serpihan objek yang memasuki ruang atmosfera bumi dan terbakar seterusnya menghasilkan cahaya berekor. Objek ini asalnya dikenali sebagai meteoroid.

METEORITE
 Serpihan meteor yang terhempas ke bumi. Ia boleh terdiri daripada serpihan logam atau batu.

HUJAN METEOR MAY CAMELOPARDALIS

- Berlaku selama dua hari pada 23 hingga 24 Mei.
- Terbentuk menerusi serpihan atau debu Komet 209P/ Linear yang merentas angkasa.
- Dinamakan sempena buruj yang menyinar dan berbentuk seperti seekor zirafah (Camelopardalis). Ia juga dikenali sebagai buruj 'Circumpolar' yang bermaksud pergerakannya mengelilingi bintang utara Polaris.
- Buruj ini terletak berhampiran buruj Big Dipper dan Little Dipper. Dua jenis buruj yang mudah dikenal pasti oleh ahli astronomi.

HUJAN meteor Geminids yang disebabkan oleh asteroid 3200 Phaethon pada Disember setiap tahun

WARTAWAN
 MOHD AZAM SHAH YALOB
 mohdazam@metro.com.my

GRAFIK
 SALIM DAWAM
 narsalm@metro.com.my

KERATAN AKHBAR METRO AHAD : MUKA SURAT 37 TARIKH : 25 MEI 2014 (AHAD)

Komet 209P/LINEAR hambur hujan meteor ke bumi

Bermula jam 2 pagi kelmarin, ruang atmosfera bumi mengalami satu lagi fenomena alam luar biasa apabila Komet 209P/Linear membuat lintasan seterusnya menghasilkan hujan meteor luar biasa.

Jurain hujan meteor daripada komet itu boleh dilihat di negara ini selama dua hari berturut-turut iaitu kelmarin dan semalam, menerusi teleskop.

Namun jika ia melintasi magnitud +11 kemungkinan besar untuk dilihat pada mata kasar amat tinggi.

Komet merujuk kepada benda bercahaya dan berekor di langit yang kelihatan seperti bintang dan beredar mengelilingi matahari manakala meteor adalah tahi bintang.

Menurut Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), kira-kira 100 hingga 400 meteor sejam dapat dilihat dengan mata kasar pada malam itu.

"Titik hujan meteor ini adalah daripada buruj Camelopardalis di langit utara dan dijangka masa puncak hujan meteor ini adalah pada GUTC hingga 8UTC iaitu dari 2 petang hingga 4 petang waktu tempatan," katanya.

Hujan meteor itu boleh dilihat di kawasan yang kurang mengalami pencemaran cahaya dan bergantung kepada keadaan cuaca langit malam kawasan itu.

Selain keadaan cuaca dan awan tebal, kebarangkalian untuk menyaksikan meteor itu berkurangan sedikit kerana terdapat bulan sabit tua yang terbit kira-kira 3 pagi pada tarikh hujan meteor itu. Hujan meteor dikenali sebagai 'May Camelopardalis' ini terbentuk menerusi debu atau serpihan Komet 209P/Linear yang

merentas angkasa dan membuat pusingan lengkap setiap lima tahun sekali dengan mengorbit matahari.

Merentas bahagian hemisfera utara bumi dari kedudukan timur ke barat, komet ini meninggalkan serpihan dan debu yang menghasilkan hujan meteor selepas memasuki ruang atmosfera bumi dari bahagian langit hemisfera utara.

Hujan meteor ini jelas kelihatan pada kedudukan buruj Camelopardalis yang terletak pada kiri buruj Cassiopeia.

Bagaimanapun, Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan Amerika Syarikat (NASA) meramalkan hujan meteor ini yang akan berlaku lima tahun sekali setiap Mei berkemungkinan bertukar menjadi ribut meteor jika 209P/Linear berada lebih dekat dengan bumi seterusnya menyaksikan ribuan meteor memasuki ruang atmosfera.

Menariknya, hujan meteor ini terhasil menerusi serpihan debu dan batuan tinggalkan 209P/Linear yang wujud di laluanannya sejak 1800.

Kedatangan komet ini menghasilkan impak yang menolak serpihan berkenaan ke arah bumi seterusnya ditarik oleh graviti bumi.

KEDUDUKAN HUJAN METEOR (LANGIT UTARA)

Hujan meteor boleh dilihat di gugusan bintang Camelopardalis

Buruj Biduk
Ursa Major/
Big Dipper

CAMELOPARDALIS


KOMET
209P/
LINEAR

Bahagian
di bumi
di mana hujan
meteor
kelihatan

KOMET 209P/LINEAR

- Mula dikesan pada 3 Februari 2004 oleh Lincoln Near-earth Asteroid Research Lab (LINEAR)
- 209P/Linear berada pada jarak 8.3 juta kilometer dari bumi dan adalah jarak paling dekat pernah dihipir
- Lintasan 209P/Linear ini menghasilkan hujan atau ribut meteor (bergantung pada kedudukan komet dengan bumi)
- Komet ini hanya boleh dilihat menerusi teleskop
- Namun, jika ia melintasi magnitud +11, kemungkinan besar untuk dilihat pada mata kasar amat tinggi

ORBIT LALUAN



HUJAN METEOR

» Penduduk dunia boleh
lihat 400 jutaian
Camelopardalis dalam satu jam

Oleh Rashidah Ilimi Abd Rahim
rashidah@bh.com.my

Berita mengenai kemunculan batu dari angkasa seperti meteoroid, komet dan asteroid amat menakutkan penduduk dunia walaupun ia hanya melintasi bumi. Ahli astronomi menganggarkan setiap 'batu dari angkasa' mengambil masa kira-kira 1,000 hingga 4,000 tahun untuk merentasi orbit bumi, manakala 200 komet boleh dilihat dari Bumi secara berkala dalam tempoh beberapa ratus tahun. Tidak hairanlah, pertembungan

Bumi dengan serpihan komet 209P/Linear mengakibatkan hujan meteor Camelopardalis pada tengah malam Jumaat lalu, dianggap satu daripada fenomena cakerawala menarik sepanjang tahun 2014.

Di seluruh dunia, berjuta-juta peminat astronomi sama ada amatir atau profesional mendongak ke langit ke arah utara menghadap gugusan buruj circumpolar bagi menyaksikan hujan meteor yang menawan itu.

Dilihat di mana-mana

Tahi bintang Camelopardalis boleh dilihat dari mana-mana pelosok bumi, kedua-dua Hemisfera Utara

HUJAN METEOR CAMELOPARDALIS

Ditemui **3 Februari 2014**

Terhasil daripada serpihan komet **209P/Linear**

Terbentuk **1,900** tahun lalu



Asteroid

Serpihan batu bercampur logam dan mempunyai teras magnet. Selalunya bergerak mengikut orbit.



Komet

Campuran batu, logam dan gas. Mempunyai teras magnet dan mengorbit planet yang besar. Ia mengeluarkan cahaya yang sangat terang.



Meteorit

Serpihan meteoroid yang menghentam bumi.


Meteoroid

Meteoroid yang memasuki ruang atmosfera bumi dikenali sebagai meteor yang terbakar akibat geseran. Apabila meteor menghentam permukaan bumi, serpihan yang tertinggal dikenali sebagai meteorit. Meteorit menjadi ancaman kepada kehidupan manusia kerana semakin besar meteorit terhempas, lebih besar impak hentaman yang berlaku.



Meteor

Serpihan ini asalnya dikenali sebagai meteoroid, yang merujuk kepada serpihan batu bercampur dengan pelbagai unsur logam serta mempunyai radiasi dan banyak berterbangan di ruang angkasa secara rawak. Apabila ia ditarik graviti bumi dan memasuki ruang atmosfera, serpihan ini menghasilkan satu garis lintasan bercahaya.



92.8 peratus
meteorit mengandungi silika dan
5.7 peratus besi dan nikel

KEJADIAN HENTAMAN METEOR, METEORIT DAN ASTEROID PALING BURUK

1 Tunguska, Russia

- Berlaku pada 30 Jun 1908
- Impak hentaman tidak menghasilkan kawah kerana jatuh ke dalam sungai
- Membakar kawasan sehingga 21 kilometer

2 Kawah Vredefort, Afrika Selatan

- Menghentam bumi kira-kira 2,023 juta tahun dulu
- Kawah paling besar di muka bumi
- Keluasan bergaris pusat 300 kilometer

3 Bosumtwi, Ghana

- 1.3 juta tahun lalu
- Terletak 30 kilometer di sebelah tenggara kota Kumasi, Ghana
- Dikenali sebagai Danau Alam Bosumtwi

KERATAN AKHBAR BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 19 TARIKH : 25 MEI 2014 (AHAD)

dan Selatan, malah pada waktu kemuncaknya, masyarakat dunia boleh melihat kira-kira 100 hingga 400 jurai hujan meteor dalam masa sejam.

Meskipun hampir 14 jenis hujan meteor berlaku sepanjang tahun, ia adalah kali pertama hujan meteor yang terbentuk daripada pengumpulan habuk dan debu daripada komet Linear sejak 1,900 tahun lalu.

Fenomena itu dipercayai terbentuk apabila serpihan komet berkenaan mencair selepas melintasi berhampiran matahari sehingga menghasilkan ketulan batu, ais dan bahan lain yang terbakar di atmosfera.

Komet berkenaan dikenal pasti

oleh kumpulan pakar penyelidik Lincoln Near-Earth Asteroid, rakan kongsi Institut Makmal Teknologi Lincoln, di Massachusetts, Agensi Angkasa Lepas Amerika Syarikat (NASA) dan tentera udara Amerika Syarikat pada tahun 2004.

Melintasi berhampiran bumi

Ia mengelilingi matahari pada setiap lima tahun dan ditemui pada 3 Februari tahun ini serta mula melintasi berhampiran matahari pada 6 Mei lalu.

Pegawai Penyelidik, Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Mohammad Redzuan Tahar, berkata sifat komet


hampir sama kerana kebanyakannya berasal dari luar sistem suria dan akan masuk ke sistem suria sebelum berpusing hampir dengan matahari.

"Hujan meteor yang terhasil daripada komet Linear ini berbeza kerana ia jarang berlaku. Jika berlaku, kemungkinan besar ia berulang dalam tempoh sekitar 100 tahun atau seabad kerana orbit bumi jarang melintasi laluan komet itu."

"Walaupun ia membabitkan jumlah jurai hujan meteor yang banyak, ia tidak menyebabkan sebarang letusan besar seperti yang berlaku di wilayah Urals, Russia pada tahun lalu," katanya.



Komet Linear melintasi berhampiran matahari pada **6 Mei 2014** - **100** hingga **400** jurai hujan meteor dalam masa sejam



Komet C/1995 01 Hale-Bopp

23 April 1997

- Ditemui sejak 400 tahun lalu
- Nukleus di bahagian kepala yang saiznya dianggarkan bergaris pusat antara 5 hingga 10 kilometer
- Kelajuan ketika menghampiri matahari ialah 158,400 kilometer sejam

Meteor Leonids

18 November 1998

- Berlaku 33 tahun sekali
- 2,000 orang berkumpul di lokasi tumpuan iaitu Pantai Tanjung Rhu, Langkawi
- Berada pada kedudukan tidak menentu walaupun langit di pantai berkenaan gelap

Meteor geminid

13 Disember 2012

- Ditemui sejak 150 tahun
- 100 tahi bintang sejam

KOMET 209P/ LINEAR

16 asteroid dikenal pasti mempunyai garis pusat **240km**

Komet paling popular ialah Komet Hailey yang mengorbit setiap

76 tahun



4 Wilayah Urals, Russia

- 15 Februari 2013
- 950 penduduk Russia cedera
- 300 bangunan rosak termasuk sekolah, hospital, bangunan kilang dan stadium hoki ais

5 Ensisheim, Perancis

- Berlaku pada 7 November 1492
- Tiada kemalangan jiwa dilaporkan
- Meninggalkan serpihan meteorit seberat 162 kilogram

6 Kawah Barringer, Arizona, Amerika Syarikat

- 49,000 tahun lalu
- Hasil hentaman meteorit seberat 300,000 tan
- Kuasa letupan dipercayai bersamaan letupan bom 20 juta tan

7 Deep Bay, Kanada

- 100 juta tahun lalu
- Terletak di barat daya Saskatchewan, Kanada
- Impak meninggalkan kawah bergaris pusat 13 kilometer



DNA Khinzir: Cadbury Bantu Siasatan Pihak Berkuasa

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Cadbury Confectionery Malaysia Sdn Bhd memandang serius isu DNA khinzir yang dikesan di dalam dua produknya dan memberi kerjasama penuh kepada pihak berkuasa yang melakukan siasatan.

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat syarikat itu, Raja Zalina Raja Safran berkata siasatan itu dianggap satu keutamaan yang perlu disegerakan memandangkan isu halal amat penting dalam kalangan masyarakat Islam.

"Aspek halal juga teramat penting bagi syarikat ini. Kami serius dalam memastikan semua produk kami yang dikeluarkan di Malaysia halal," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, Ahad.

Raja Zalina berkata syarikat itu telah menarik balik serta merta dua produknya iaitu Cadbury Coklat Susu dengan Kacang Hazel (nombor kelompok 200813M01H I2 bertarikh luput 13 Nov, 2014) dan Coklat Susu dengan Buah Badam (nombor kelompok 221013N01R I1 bertarikh luput 15 Jan, 2015).

"Kami memberi jaminan kepada pengguna semua produk lain yang dikeluarkan di sini tidak terbabit dengan ujian berkenaan," katanya.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, Sabtu, mengesahkan dua produk terbabit mengandungi DNA khinzir dan hasil analisis itu tersebar luas menerusi media sosial.

Sementara itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan mengadakan mesyuarat khas dengan Kementerian Kesihatan, [Jabatan Standard dan Jabatan Kimia](#), Isnin, berhubung isu penemuan DNA khinzir dalam dua sampel coklat Cadbury.

Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha dalam satu kenyataan, Ahad, berkata pihaknya akan memanggil syarikat berkenaan untuk mendapatkan maklum balas lanjut berhubung perkara itu.

"Segala keputusan mesyuarat tersebut akan dimaklumkan kepada media sebaik sahaja mesyuarat selesai.

"Sehubungan dengan itu JAKIM memohon semua pihak agar tidak membuat sebarang spekulasi yang tidak berasas terhadap isu berkenaan bagi mengelakkan keresahan awam," katanya dalam kenyataan itu.

JAKIM, Sabtu menggantung serta-merta sijil pengesahan halal dua produk coklat Cadbury yang dikesan mengandungi DNA khinzir.

--BERNAMA

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 21
TARIKH: 25 MEI 2014 (AHAD)

**Impak
sambutan Hari
Belia dikaji**

PUTRAJAYA 24 Mei - Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) sedang menjalankan kajian terhadap impak sambutan Hari Belia Negara dan Festival Belia Putrajaya 2014.

Eksekutif Penyelidikan IYRES Mohd. Rizal Mohd Sham berkata, kajian itu melibatkan kira-kira 6,500 belia yang menyertai sambutan kedua-dua acara itu bermula dari peringkat daerah dan negeri sehingga peringkat kebangsaan di Putrajaya.

"Kita ingin melihat persepsi belia dari pelbagai segi termasuk impak sosial dan ekonomi serta sejauh mana pelaksanaan program-program ini dapat dirasai dari peringkat akar umbi," katanya ketika ditemui di Hab Penyelidikan, Intelektual dan Inovasi Belia di sini hari ini.

Hab terletak di perkarangan Menara Prisma, Presint 3 di sini diwujudkan bersempena Festival Belia Negara 2014 yang berlangsung mulai 22 Mei dan akan berakhir esok.

Mohd. Rizal berkata, selain pengedaran borang kaji selidik, IYRES turut mengadakan 'perbincangan kumpulan sasaran' untuk kajian berkenaan, antara lain bertujuan untuk menambah baik pengisian Hari Belia Negara dan Festival Belia Negara pada masa depan.

Sementara itu pegawai program, Mohd. Saiful Nizam Mohd. Zakri menjemput belia mengunjungi Hab Penyelidikan, Intelektual dan Inovasi Belia yang menyediakan pelbagai aktiviti menarik melibatkan IYRES dengan kerjasama Yayasan Inovasi Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Jabatan Perangkaan, Institut Pengajian Sains Sosial dan badan bukan kerajaan Drugs Free Youth Association. - BERNAMA